

USAHA ABANG YUSUF PUTEH MEMARTABATKAN PENDIDIKAN MASYARAKAT MELAYU PESISIR DI SARAWAK

ABANG YUSUF PUTEH'S EFFORT IN UPLIFTING THE EDUCATION OF THE MALAY COASTAL SOCIETY IN SARAWAK

Awg Kasmurie bin Awg Kitot¹
Arba'iyah Mohd Noor²

Abstract

This article discusses Abang Yusuf Puteh's efforts in uplifting the education of the Malay coastal society in Sarawak from the year 1970 to 1991. In 1963 during the formation of Malaysia, the awareness of the importance of education among the Malay coastal society was still low and their children's education was neglected. Therefore, Abang Yusuf Puteh induced awareness on the importance of education among the Malay coastal society. Some of Abang Yusuf Puteh's remarks on the Malay coastal society's education is discussed in this article as an effort to identify educational backwardness of this society. The outcome of some of these efforts can be seen in the increase in the number of Malay coastal students from the year 1970 to 1991. Abang Yusuf Puteh believed that education was capable of changing the fate of the society by accepting development. His efforts to instill awareness of the importance of education simultaneously brought transformation in the economy of the Malay society in the coastal areas of Sarawak.

Key words: *Abang Yusuf Puteh, Education, Malay Community, Coastal, Sarawak*

PENDAHULUAN

Abang Yusuf bin Abang Puteh dilahirkan pada tanggal 7 Julai 1935 di Saratok, Sarawak. Beliau memperoleh pendidikan terawal secara formal di tempat kelahirannya, iaitu di Sekolah Abang Abdul Rahman, Saratok pada Januari 1942.³ Setelah menamatkan pelajaran di peringkat ijazah di Universiti Malaya,⁴ beliau diberi peluang untuk bekerja dalam kerajaan koloni British yang banyak memberikan pengalaman dan membentuk ciri-ciri kepimpinan unggul beliau sebagai seorang pemimpin.

Sebelum Abang Yusuf Puteh terlibat dalam dunia politik pada tahun 1987, beliau banyak mengutip pengalaman sebagai kakitangan kerajaan dalam dua zaman, iaitu zaman penjajah British (1941-1963) dan setelah pembentukan Malaysia pada 16 September 1963. Kerjaya pertama beliau bermula apabila ditawarkan jawatan sebagai *Sarawak Assistant Officer* (SAO) di Daerah Muara Tuang oleh kerajaan British sebaik sahaja berjaya menamatkan pengajian peringkat ijazah sarjana muda di Universiti Malaya, Singapura pada tahun 1959.⁵ Jawatan sebagai SAO di Daerah Muara Tuang banyak memberikan input untuk mengetahui tentang kehidupan masyarakat Melayu terutamanya aspek sosial dan ekonomi mereka. Beliau dapati walaupun Daerah Muara Tuang merupakan daerah berhampiran

dengan pusat pentadbiran kerajaan bahagian Kuching tetapi taraf kehidupan masyarakatnya masih jauh ketinggalan.. Hal ini juga diperhatikan di kawasan masyarakat Melayu pesisir di bahagian Simanggang⁶ (sekarang Sri Aman).

Setelah pembentukan Malaysia pada tahun 1963, Abang Yusuf Puteh telah dinaikkan pangkat yang lebih tinggi bersesuaian dengan kelayakan yang dimiliki beliau. Antara jawatan lain yang pernah dipegang beliau sebelum menjawat jawatan Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak, *Local Officer*, Residen Bahagian Kuching dan *State Development Officer* yang bertindak menguruskan penempatan pegawai-pegawai kerajaan.⁷ Kemudiannya, beliau telah dilantik menjadi Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri sebelum diberikan amanah untuk menggalas tanggungjawab yang lebih mencabar, iaitu sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri pada tahun 1970. Sepanjang perkhidmatan beliau sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak beliau disifatkan sebagai seorang yang mempunyai rekod cemerlang dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan.⁸

Selain itu, terdapat beberapa jawatan lain yang turut dipegang Abang Yusuf Puteh di sepanjang kerjayanya ketika berada di pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak (1970-1985), antaranya sebagai pengerusi pertama Yayasan Sarawak yang menumpukan perhatian kepada pendidikan anak-anak bumiputera di Sarawak. Beliau merupakan antara pengasas Yayasan Sarawak dan memberikan tumpuan kepada pembangunan pendidikan masyarakat bumiputera terutamanya anak-anak Melayu di kawasan luar bandar.

ORANG MELAYU SARAWAK

Penduduk Melayu merupakan kaum yang ketiga terbesar di Sarawak selepas kaum Iban dan Cina. Walau bagaimanapun, jumlah peningkatan kaum Melayu adalah yang terpanjang berbanding dengan kaum-kaum lain di Sarawak sejak 1970 sehingga 2000, berlaku peningkatan yang konsisten sebanyak 3.1 peratus.⁹ Berdasarkan kepada Jadual 1 etnik Melayu Sarawak mengalami peningkatan sebanyak 280,844 orang antara tahun 1970 dan 2000 iaitu peningkatan dari 181,426 orang kepada 462,270 orang. Jadual 1 juga menunjukkan jumlah penduduk Melayu di Sarawak berbanding dengan etnik-etnik yang lain.

Jadual 1: Jumlah Populasi Penduduk Sarawak Mengikut Kumpulan Etnik, 1970-2000

Etnik Tahun	Iban	Cina	Melayu	Bidayuh	Melanau	Lain-lain	Jumlah
1970	303,461	293,949	181,426	83,612	53,379	60,445	926,269
1980	368,508	360,553	248,757	104,914	69,813	83,008	1,235,553
1991	483,468	447,525	350,570	135,595	93,721	114,720	1,642,771
2000	603,735	537,230	462,270	166,756	112,983	125,793	2,071,506

Sumber: Laporan Banci Penduduk Sarawak 1970, 1980, 1991 dan 2000

Menurut Lee Chee Keung, terdapat lima kawasan petempatan utama penduduk Melayu di Sarawak yang mengunjur dari bahagian pertama sehingga ke bahagian kelima. Lima bahagian tersebut ialah bahagian pertama (Kuching - termasuklah Samarahan), bahagian kedua (Sri Aman), bahagian ketiga (Sibu - termasuklah Sarikei dan Kapit), bahagian keempat (Miri - termasuklah Bintulu) dan bahagian kelima (Limbang). Berdasarkan Jadual 2 di bawah menunjukkan majoriti masyarakat Melayu Sarawak menetap di Bahagian Kuching, iaitu sebanyak 99,990 orang pada tahun 1970 kepada 273,639 orang pada tahun 2000.¹⁰

Jadual 2: Taburan Penduduk Melayu di Sarawak, 1970-2000

Tahun	1970		1980		1991		2000	
Bahagian	Melayu	Total*	Melayu	Total*	Melayu	Total*	Melayu	Total*
Pertama	99,990	346,973	137,792	451,811	200,084	594,079	273,639	777,854
Kedua	36,347	137,260	44,182	156,101	53,159	162,805	66,002	182,902
Ketiga	16,288	319,036	27,235	381,299	35,157	482,125	40,718	566,663
Keempat	17,371	135,918	26,540	199,518	45,224	340,587	60,856	469,525
Kelima	12,713	36,731	12,263	43,824	16,946	63,175	21,055	74,562
Total	182,709	975,918	245,012	1,235,553	350,570	1,642,771	462,270	2,071,506

Sumber: Banci Penduduk dan Perumahan Sarawak, 1970-2000

Total* - Jumlah lain-lain etnik di bahagian tersebut.

Masyarakat Melayu Sarawak yang difokuskan dalam kajian ini adalah masyarakat Melayu di bahagian kedua, yang merupakan petempatan orang Melayu yang kedua terbesar di Sarawak. Majoriti penduduk Melayu yang mendiami bahagian kedua tergolong dalam kalangan masyarakat Melayu pesisir.


PENDIDIKAN ORANG MELAYU SARAWAK SEBELUM PEMBENTUKAN MALAYSIA, 1946-1963

Selepas pendudukan Jepun yang berakhir pada Ogos 1945, sistem pendidikan yang telah dimulakan oleh pemerintah Brooke telah diambil alih oleh Pemerintahan Tentera British sehingga April 1946 sebelum penyerahan sepenuhnya Sarawak sebagai koloni British pada 1 Julai 1946. Walaupun keluarga Brooke masih mempunyai hak ke atas Sarawak tetapi Charles Vyner Brooke, iaitu Raja Ketiga telah mengambil keputusan yang mengejutkan penggantinya¹¹ dan rakyat Sarawak terutamanya rakyat yang setia kepada keluarga Brooke apabila bertindak menyerahkan Sarawak kepada kerajaan British.

Pendidikan pada zaman kolonial British di Sarawak telah mula berkembang selari dengan perkembangan ilmu pengetahuan dan pertambahan bilangan penduduk di sesebuah kawasan. Sekolah-sekolah di bawah kelolaan kerajaan juga tidak lagi hanya terhad kepada sekolah Melayu tetapi telah membawa juga kemunculan sekolah-sekolah vernakular pribumi yang lain. Sebagaimana pada zaman Brooke, pendidikan pada zaman selepas perang dunia, ketika penjajahan British juga dibahagikan kepada tiga iaitu, Sekolah Vernakular, Sekolah Cina dan Sekolah Mubaligh.¹² Walau bagaimanapun, sekolah-sekolah Melayu ternyata lebih berkembang memandangkan sistem pendidikan dan persekolahan Melayu sememangnya telah diberi perhatian yang sewajarnya oleh pemerintah Brooke sebelum itu. Sekolah-sekolah yang wujud di Sarawak ketika pentadbiran kolonial British diawasi sepenuhnya oleh Jabatan Pelajaran yang telah diwujudkan sejak tahun 1924 lagi.¹³

Hakikatnya tetap jelas, pendidikan Melayu secara eksklusifnya diberikan kepada pelajar pada peringkat sekolah rendah sahaja tetapi untuk ke peringkat yang seterusnya, iaitu pada peringkat menengah pelajar-pelajar Melayu terpaksa menyambung pelajaran mereka ke sekolah Mubaligh seperti Sekolah St. Thomas dan St. Joseph. Abang Yusuf Puteh sendiri sebagai contoh yang terpaksa menyambung pelajaran ke peringkat menengah di sekolah Mubaligh Kristian dan mempelajari mata pelajaran Pengetahuan Bible sepanjang berada di sekolah Mubaligh Kristian. Selepas tamatnya perang Dunia Kedua, kebanyakan sekolah-sekolah di bawah jajahan mengalami kemusnahan dari aspek harta benda seperti bangunan, perabot, peralatan serta guru-guru yang terlatih untuk mengajar pelajar-pelajar sekolah juga telah berkurangan. Selain daripada kerja-kerja pemulihan, keperluan lain yang turut mendesak adalah untuk mendapatkan guru terlatih dari kolej latihan perguruan untuk sekolah-sekolah aliran Melayu.¹⁴

Rajah 1: Graf Perbandingan Bilangan Jenis Sekolah, Pelajar dan Guru di Sarawak Pada Tahun 1947




Sumber: Sarawak Annual Report 1947 - 1953, Government Printing Office, Kuching.

Berdasarkan Rajah 1, ketika kolonial British telah mendapat kuasa penuh terhadap Sarawak pada tahun 1947, terdapat 72 buah sekolah kerajaan telah dibuka yang merangkumi seramai 4,416 orang pelajar dengan penempatan seramai 109 orang guru berbanding dengan sekolah mubaligh sebanyak 58 buah sekolah, 5,087 pelajar dan 192 orang

guru. Sementara itu, sekolah Cina sebanyak 192 buah sekolah dengan 19,522 orang pelajar dan 656 orang guru. Hal ini menunjukkan kesedaran pendidikan pelajar-pelajar Melayu masih lagi rendah berbanding dengan pelajar-pelajar Cina walaupun sekolah-sekolah Melayu mendapat bantuan daripada pihak kerajaan. Hal ini dapat dilihat berdasarkan data-data bilangan sekolah, murid dan guru di Sarawak pada tahun 1946 sehingga 1952 yang menunjukkan peningkatan jumlah yang ketara sekolah, pelajar dan guru di sekolah-sekolah Cina sebagaimana yang dipaparkan dalam Rajah 2.

Rajah 2 : Graf Perbandingan Jumlah Sekolah, Guru dan Pelajar di Sekolah Cina Antara Tahun 1946 dan 1952



Sumber: Sarawak Annual Report 1947 - 1953, Government Printing Office, Kuching


Berdasarkan Rajah 2, didapati pertumbuhan sekolah Cina dari tahun 1946 sehingga 1952 menunjukkan pola peningkatan secara berterusan daripada 173 buah kepada 226 buah sekolah, iaitu peningkatan sebanyak 53 (30.6%) buah dalam tempoh tersebut. Jumlah guru pula menunjukkan pertambahan sebanyak 345 daripada 592 orang pada tahun 1946 kepada 937 orang pada tahun 1952 manakala peningkatan secara berterusan jumlah pelajar Cina sebanyak 10,446 daripada 18,222 orang pada tahun 1946 kepada 28,668 orang pada tahun 1952.¹⁵ Sekolah-sekolah Cina ini semakin berkembang dengan jumlah pelajar yang semakin bertambah.

Dengan kemunculan bantahan terhadap penyerahan Sarawak dan sokongan golongan pendidik Melayu terhadap pergerakan anti-penyerahan (*anti-cession*) memberikan impak kepada pendidikan Melayu di Sarawak lebih-lebih lagi pada sekitar tahun 1947. Situasi menjadi lebih kronik apabila sistem pendidikan di Sarawak baru sahaja dalam proses pemulihan akibat daripada peperangan dan bertambah tegang apabila seramai 87 daripada 152 orang guru di sekolah Melayu meletakkan jawatan sebagai protes terhadap pekeliling yang diedarkan oleh kerajaan Kolonial British. Hal ini telah membawa kepada penutupan sebanyak 22 buah sekolah akibat daripada peristiwa tersebut.¹⁶ Keadaan ini sudah pasti memberikan kesan kemerosotan kepada bilangan pelajar-pelajar Melayu di sekolah-sekolah kerajaan.

Perletakan jawatan guru-guru Melayu akibat membantah 'Circular No.9/1946' telah menjadi usaha perintis kepada kewujudan sekolah-sekolah komuniti persendirian Melayu di Kuching. Penubuhan sekolah persendirian Melayu yang pertama ialah Sekolah *Ra'ayat* (Rakyat)¹⁷ di kawasan penempatan Datu yang ditubuhkan pada tahun 1947 dengan menyediakan pendidikan kepada pelajar perempuan dan lelaki. Antara tahun 1947 dan 1952, tujuh buah sekolah *ra'ayat* lain telah ditubuhkan, iaitu tiga di kawasan Datu dan empat di kawasan penduduk Melayu di kawasan tebingan Kuching. Usaha ini membawa kepada sebanyak lapan buah sekolah *ra'ayat* dibuka di Kuching termasuk yang pertama dibuka di kawasan penempatan Datu. Walaupun demikian, hanya beberapa buah sekolah sahaja yang dapat bertahan akibat daripada kekurangan dana dan kemudahan, ditambah pula telah berlakunya kemerosotan gerakan anti-penyerahan pada masa tersebut.¹⁸ Walau bagaimanapun, usaha dalam mendidik dan menyebarkan ilmu pengetahuan kepada anak-anak Melayu dapat diusahakan melalui penubuhan sekolah-sekolah ini.¹⁹ Pada akhir tahun 1954, terdapat seramai 1,846 orang pelajar Melayu yang direkodkan mendaftar di sekolah-sekolah persendirian

Melayu ini.²⁰ Walaupun bilangan pelajar-pelajar Melayu menunjukkan peningkatan tetapi masih tidak mampu untuk mengatasi pertumbuhan pelajar-pelajar Cina.

Rajah 3: Graf Menunjukkan Jumlah Pelajar Mengikuti Kaum Pada Tahun 1954



Sumber: Sarawak Education Department, Annual Summary, 1954, Table IX.

Berdasarkan kepada Rajah 3 di atas, pada tahun 1954 sahaja dianggarkan jumlah pelajar Cina yang dicatatkan adalah sebanyak 21.3 peratus daripada keseluruhan jumlah penduduk Cina, iaitu 174,618 orang berbanding pelajar Melayu sebanyak 6.5 peratus daripada 108,533 orang, 2.6 peratus pelajar Dayak daripada 309,142 orang dan lain-lain kaum berjumlah 9,665 orang sebanyak 4.0 peratus.²¹ Jumlah keseluruhan pelajar yang didaftarkan pada tahun tersebut adalah sebanyak 52,674 orang. Walaupun jumlah peratusan keseluruhan pelajar Melayu dan bumiputera lain digabungkan masih tidak mampu mengatasi jumlah peratusan pelajar-pelajar Cina yang berdaftar. Terpancar daripada perbezaan jumlah tersebut membuktikan masyarakat Cina begitu menitikberatkan pendidikan dalam kalangan masyarakat mereka dan memandang jauh ke hadapan dalam pelbagai aspek.

Kemunduran pendidikan dalam kalangan orang Melayu terus diperdebatkan. Jurang pendidikan antara masyarakat Melayu Sarawak berbanding dengan masyarakat Cina terlalu besar. Pada tahun 1958, hanya terdapat 27 orang pelajar Melayu yang lulus dalam peperiksaan 'Sarawak Junior Cambridge' dari Madrasah Melayu, St Joseph, St Thomas dan St Theresa.²² Pada tahun 1959, perbezaan yang sangat ketara dapat ditunjukkan berdasarkan rekod pada tahun 1960 yang menunjukkan bahawa pada peringkat sekolah menengah hanya 44 orang pelajar Melayu yang mengikuti pelajaran di Sekolah Aliran Inggeris dan Cina. Jumlah kemasukan dan pendaftaran pelajar kaum Cina pula sebanyak 1,487 orang daripada jumlah keseluruhan pelajar kedua-dua aliran tersebut meninggalkan jurang yang sangat ketara berbanding jumlah pelajar Melayu.²³ Situasi pendidikan Melayu di kawasan bandar ternyata begitu membimbangkan dan keadaan ini sudah tentu menjadi lebih kritikal di kawasan-kawasan luar bandar yang majoritinya didiami oleh masyarakat Melayu. Hal ini demikian kerana penurunan jumlah pelajar menunjukkan situasi yang amat serius, kesan daripada penurunan kehadiran pelajar dan ditambah lagi dengan pengabaian oleh ibu bapa terhadap pendidikan anak masing-masing.²⁴

Menjelang tahun 1960, jumlah keseluruhan pelajar yang direkodkan adalah sebanyak 94,773 orang dan dari jumlah ini hanya terdapat 14,173 orang pelajar Melayu manakala pelajar daripada kaum Dayak ternyata menunjukkan peningkatan yang amat ketara, iaitu sebanyak 27,079 manakala pelajar Cina terus kekal mendahului dengan jumlah 52,798. Selebihnya 723 orang ialah kaum-kaum lain. Malahan hanya empat peratus sahaja orang Melayu yang berjaya menamatkan pengajian mereka di sekolah menengah jika dibandingkan dengan 74 peratus pelajar Cina selain peratusan pelajar Eropah yang juga lebih tinggi jika dibandingkan dengan pelajar Melayu Sarawak.²⁵

Oleh yang sedemikian, keadaan ini tidak menghairankan apabila kadar celik huruf masyarakat Melayu direkodkan hanya 25 peratus berbanding dengan Cina, iaitu sebanyak 53 peratus. Masyarakat daripada bumiputera yang lain sebanyak 35.8 peratus yang merangkumi Melanau sebanyak 17.8 peratus, Bidayuh 11 peratus dan Iban tujuh peratus.²⁶ Kadar celik huruf masyarakat Cina jelas menunjukkan pendidikan sangat diutamakan kepada anak-anak mereka. Kesedaran tentang kepentingan pendidikan mendorong kaum Cina membuka pusat-pusat pendidikan agar mereka tidak ketinggalan dalam arus perubahan. Kaum Cina ternyata menyedari bahawa untuk bersaing dengan

kaum pribumi bukan sahaja perlu menguasai aspek ekonomi tetapi juga memastikan mereka tidak ketinggalan dalam aspek pendidikan.

Berdasarkan rekod pada tahun 1963, dianggarkan seramai 244,279 orang pelajar sepatutnya berada di sekolah, namun hanya setengah daripadanya yang memasuki sekolah rendah dan menengah. Direkodkan 78 peratus penduduk kaum Cina yang berada dalam usia persekolahan berada di sekolah, manakala hanya 45 peratus sahaja pelajar Melayu memilih untuk mengikuti pelajaran ke sekolah rendah dan menengah.²⁷ Pada tahun tersebut juga, seramai 359 orang pelajar Sarawak yang lulus dalam peperiksaan, ditawarkan biasiswa untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi, iaitu ke luar negara seperti ke Tanah Melayu, Singapura, Australia, Kanada dan United Kingdom. Berdasarkan jumlah pelajar yang berjaya hanya 27 orang merupakan pelajar Melayu, iaitu sepuluh orang ke peringkat ijazah, empat orang diploma, empat orang pelajar ke peringkat persijilan dan empat orang dalam kursus kejururawatan.²⁸

Kekurangan jumlah pelajar Melayu menghadiri persekolahan bukan sahaja disebabkan sekolah-sekolah yang kebanyakannya dibina di kawasan bandar atau kampung-kampung utama sahaja tetapi disebabkan oleh sistem persekolahan yang berat sebelah yang diamalkan oleh pihak kolonial British. Pandangan yang merujuk kepada pendidikan pada zaman kolonial British sebagai 'zaman mission'²⁹ ternyata jelas membuktikan alasan yang menyebabkan kemunduran sistem persekolahan Melayu. Tindakan kolonial British telah meninggalkan sistem persekolahan Melayu yang jauh ke belakang berbanding pendidikan kaum Cina dan sekolah Mubaligh. Bukan itu sahaja, pendidikan lanjutan untuk sekolah-sekolah Melayu tidak diberi perhatian seadilnya oleh pihak British. Situasi ini menyebabkan pelajar-pelajar Melayu tiada pilihan melainkan terpaksa melanjutkan pelajaran ke peringkat menengah atas di sekolah Mubaligh seperti Sekolah St. Thomas, St. Joseph, St. Theresa, Sunny Hill sebagai contohnya.³⁰ Oleh yang demikian, sekolah-sekolah Mubaligh semakin berkembang dan mantap melalui sumber dana yang banyak disalurkan oleh British.³¹ Atas kesedaran yang tinggi untuk melihat masyarakat Melayu pesisir mencapai kemajuan dalam bidang pendidikan, oleh sebab itulah Abang Yusuf Puteh bangkit untuk menyuarakan teguran melalui penulisanannya. Oleh yang demikian, hasil daripada penyelidikan yang dilakukan di kawasan-kawasan Melayu pesisir di Daerah Kalaka telah menemukan beberapa aspek yang disentuh beliau untuk dipertimbangkan dan langkah yang sewajarnya oleh pihak-pihak berwajib.

USAHA ABANG YUSUF PUTEH TERHADAP PENDIDIKAN MELAYU

Atas sebab masyarakat luar bandar yang masih jauh ketinggalan dalam bidang pendidikan telah mendorong Abang Yusuf Puteh untuk mengemukakan beberapa saranan dan usaha yang bermakna demi menambah baik dan membela hak masyarakat Melayu pesisir. Beberapa saranan dan seruan telah dikemukakan bagi menangani isu-isu ini supaya pendidikan diberikan sama rata antara masyarakat bandar dan luar bandar terutamanya pelajar-pelajar Melayu pesisir yang telah terlalu lama menunggu perubahan untuk dilaksanakan antaranya adalah menyeru pengekalan konsep kehidupan masyarakat Melayu pesisir di sekolah-sekolah di kawasan pesisir, memperkasa infrastruktur sekolah, meningkatkan kesedaran ibu bapa terhadap nilai pendidikan dan peningkatan moral melalui pendidikan.

Memperkasakan Infrastruktur Sekolah

Pendidikan merupakan agen kepada perubahan dan pembangunan seimbang dalam aspek jasmani, emosi, rohani, dan intelek yang selari dengan tuntutan yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Negara. Teguran terhadap beberapa kelemahan kerajaan bukan merujuk kepada sikap benci atau sakit hati Abang Yusuf Puteh namun demi kepentingan pendidikan negara terutamanya masyarakat Melayu pesisir. Misalnya, teguran Abang Yusuf Puteh melalui penulisanannya berkenaan dengan pembinaan sekolah untuk masyarakat Melayu pesisir terutamanya yang dibina di kawasan yang tidak mempunyai kemudahan logistik seperti bekalan air, dewan makan dan permasalahan lain yang berkaitan dengan aspek kebersihan sudah pasti memberikan kesan buruk kepada pelajar-pelajar sekolah di kawasan pesisir. Segala permasalahan ini mengakibatkan pelajar-pelajar kehilangan fokus dalam pembelajaran dan aktiviti harian mereka. Sindiran sinisnya sebagaimana terdapat dalam pernyataan berikut: "*A new secondary school a few miles away from the township, whose major logistic problem is water supply, among other constraints*"³² menunjukkan rasa tidak puas Abang Yusuf Puteh dengan infrastruktur sekolah-sekolah yang disediakan di kawasan pesisir.

Oleh yang demikian, saranan yang dikemukakan supaya sekolah-sekolah yang dibina hendaklah dilengkapi dengan kemudahan asas perlu bersesuaian dengan tarafnya sebagai sebuah institusi pendidikan yang membawa transformasi kepada masyarakat dan negara. Beliau sendiri amat mengambil berat terhadap kemudahan asas sekolah

ketika menjawat jawatan sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak dari 1970 sehingga 1985. Antaranya, beliau sering mengarahkan kakitangannya untuk melakukan lawatan ke sekolah-sekolah terutamanya di kawasan penempatan Melayu dan membuat laporan hasil lawatan dengan kadar segera kepadanya.³³ Pembinaan sekolah baharu di kawasan yang jauh daripada bandar atau pekan utama sebenarnya bukan menjadi isu utama yang ingin disuarakan oleh Abang Yusuf Puteh tetapi ianya lebih merujuk kepada sindiran terhadap kerajaan tentang masyarakat Melayu pesisir yang terlalu jauh dari sebarang bentuk kemajuan.

Ketiadaan kemudahan logistik yang sangat asas seperti bekalan air sudah tentu menjadi satu masalah apatah lagi bekalan elektrik dan lain-lain. Menurut Ikhwan Achem seorang responden yang telah ditemubual, infrastruktur asas seperti elektrik dan bekalan air untuk kemudahan kebanyakan penduduk kampung yang didiami masyarakat Melayu pesisir telah disediakan oleh pihak kerajaan di antara tahun 1990 hingga 2000. Beliau dengan penuh keyakinan mengatakan bahawa Abang Yusuf Puteh adalah pemangkin kepada pembangunan di kawasan masyarakat Melayu pesisir. Keadaan ini dapat dibuktikan apabila kemudahan asas seperti bekalan air dan elektrik mula disediakan kepada masyarakat di kawasan tersebut setelah Abang Yusuf Puteh menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri, ADUN Kalaka pada tahun 1987.³⁴ Berdasarkan kepada *hansard* pada tahun 1971 didapati tidak ada usaha yang dilakukan oleh wakil rakyat yang lain di kawasan Melayu pesisir untuk membawa masuk pembangunan terutamanya kemudahan asas yang sangat penting kepada masyarakat di situ.³⁵ Hal ini menunjukkan peranan penting yang dimainkan oleh Abang Yusuf Puteh terhadap pembangunan masyarakat Melayu Sarawak terutamanya di kawasan pesisir.

Meningkatkan Kesedaran Ibu Bapa

Kesedaran pendidikan yang memuncak melalui pengalaman menimba ilmu pengetahuan dari dalam dan luar negara mendesak Abang Yusuf Puteh untuk menggerakkan masyarakat Melayu pesisir tentang kepentingan pendidikan daripada lena yang panjang. Di samping itu, kesedaran tentang kepentingan pendidikan dipertingkatkan dalam kalangan ibu bapa di kawasan Melayu pesisir. Beliau amat prihatin bahawa kesedaran pendidikan dalam kalangan masyarakat Melayu pesisir berada pada tahap yang rendah dan amat membimbangkan. Hal ini sebenarnya bukan sahaja Melayu pesisir di Daerah Kalaka tetapi juga di kawasan-kawasan lain seluruh Sarawak sama ada sebelum merdeka, iaitu ketika di bawah pentadbiran Brooke, 1841-1941, Pendudukan Jepun, 1941-1945 dan zaman Kolonial British, 1946-1963. Bahkan, keadaan ini berlarutan walaupun selepas pembentukan Malaysia, 1963-1995³⁶ sebagaimana yang dinyatakan oleh Abang Yusuf Puteh, iaitu, "*Education meant very little to the rural Malays not only in Kalaka but throughout Sarawak before war and even well after Malaysia came into being*".³⁷

Kesedaran yang rendah tentang kepentingan pendidikan mengakibatkan ramai anak-anak muda Melayu pesisir yang mengalami keciciran. Mereka terpaksa memilih pekerjaan dalam sektor pembalakan yang jauh dari keluarga masing-masing untuk mencari rezeki akibat ketinggalan dalam bidang pendidikan. Hal ini sebagaimana yang disuarakan oleh beliau, "*Quite a number of the young men have joined 'Kerja Blok' and 'Berlelang' (wanderers to other districts etc.) to seek fortunes in far away lands*".³⁸

Pernyataan tersebut menunjukkan kehidupan yang serba kekurangan yang terpaksa ditanggung oleh anak-anak muda dalam usia mereka sepatutnya berada di bangku sekolah. Perkara ini sudah tentu menimbulkan persoalan kepada punca berlakunya keadaan sedemikian. Hal ini sudah tentu disebabkan kesedaran tentang kepentingan pendidikan yang masih rendah dalam kalangan ibu bapa masyarakat Melayu di kawasan pesisir.³⁹ Oleh hal yang demikian, kesedaran perlu untuk membawa perubahan kepada masyarakat Melayu pesisir supaya memberikan penekanan terhadap kepentingan pendidikan kepada generasi yang seterusnya.

Walaupun begitu, tidak dapat dinafikan terdapat juga segelintir kecil ibu bapa yang menyedari kepentingan ilmu pengetahuan kepada anak-anak mereka. Keadaan ini menurut Abang Yusuf Puteh, sekurang-kurangnya memberikan sedikit sinar tentang kesedaran masyarakat Melayu pesisir tentang keperluan ilmu pendidikan. Hal ini sebagaimana yang dinyatakan beliau:

*For some reason, I always liked school life. One morning when there was water everywhere in the village and sensing my despair, a robust uncle of mine undertook this most memorable act: he carried me from our house most of the way to the school on his back. In fact such a scene was not totally uncommon for I know of a couple of parents in Saratok who did the same thing for their sons. This showed that the value of education had taken roots at least among a few in the village as early as that although it took time for it to spread.*⁴⁰

Kesedaran pendidikan yang wujud melalui peranan kedua ibu bapa Abang Yusuf Puteh telah memberi satu kelebihan kepada beliau dalam mengenali kepentingan pendidikan kepada diri, keluarga dan masyarakat. Pengalaman melalui kesanggupan bapa saudaranya bertindak membawanya sepanjang perjalanan dari rumah ke sekolah akibat air bah setiap kali musim 'landas' (tengkujoh) telah membuktikan kesedaran akan kepentingan dan keutamaan pendidikan. Tindakan seperti ini turut dilakukan oleh segelintir ibu bapa yang lain demi memastikan anak-anak mereka mendapat pendidikan. Menurut Ikhwan Achem, walaupun kesedaran ibu bapa tentang kepentingan pendidikan meningkat tetapi masalah infrastruktur di kawasan kampung yang kurang aktiviti pembangunan menyebabkan masalah tersebut masih berlarutan. Beliau turut menegaskan setiap kali musim 'landas' atau berlakunya air pasang besar, jalan-jalan di kampung untuk menuju ke sekolah akan ditenggelami air. Keadaan ini lebih teruk apabila kawasan berhampiran dan disekitar sekolah turut mengalami nasib yang sama. Ibu bapa yang bimbang dengan keselamatan anak-anak mereka terpaksa tidak membenarkan anak-anak mereka pergi ke sekolah. Akibatnya, pelajar-pelajar ini banyak ketinggalan dalam pelajaran mereka.⁴¹

Bagi tujuan tersebut, tindakan proaktif daripada pihak-pihak tertentu seperti pihak kerajaan, badan bukan kerajaan, anggota masyarakat dan lain-lain perlu diperkasa agar terus menyebarkan maklumat demi membangkitkan kesedaran yang lebih holistik kepada ibu bapa di Sarawak terutamanya masyarakat di kawasan pesisir terhadap kepentingan pendidikan. Atas kesedaran ini juga, Abang Yusuf Puteh telah bertindak dengan menggunakan sumber kewangannya sendiri untuk membantu masyarakat Melayu pesisir yang tidak berkemampuan agar anak-anak mereka dapat menikmati alam persekolahan. Menurut Nursiyati Deni, antara usaha yang bermakna Abang Yusuf Puteh adalah dalam membangkitkan rasa kesedaran terhadap kepentingan pendidikan. Malah Abang Yusuf Puteh dengan berbesar hati turut menjadikan rumahnya sebagai pusat pengajian sama ada ilmu duniawi dan juga ukhrawi.⁴²

Menurut Abang Yusuf Puteh, tahap kesedaran ibu bapa semakin menunjukkan perubahan peningkatan apabila ibu bapa mula mengkehendaki tempat-tempat yang terbaik untuk persekolahan anak-anak mereka. Kebangkitan kesedaran mengenai pendidikan ini telah mengakibatkan kerajaan menghadapi masalah yang serius dari aspek kekurangan guru dan bilik darjah. Kedudukan rendah tahap kesedaran sebelum itu telah berubah kepada era ledakan pendidikan dalam kalangan masyarakat Melayu pesisir. Beliau sendiri turut mengambil tindakan dengan memohon bantuan kewangan untuk membina bilik darjah apabila berlakunya pertambahan bilangan pelajar.⁴³ Oleh yang demikian, tindakan dan sokongan padu daripada kerajaan amat perlu untuk menggerakkan cita-cita ini. Hal ini sebagaimana dinyatakan Abang Yusuf Puteh, iaitu, *"Now the position is the reverse. The parents demand places for their children in school. The government is facing serious shortages of teachers and classrooms. Education is undergoing boom times"*.⁴⁴

Pernyataan Abang Yusuf Puteh tersebut menggambarkan keyakinan beliau bahawa perubahan suasana kesedaran ketika itu telah mengakibatkan keperluan yang mendesak kepada peningkatan taraf pendidikan dalam kalangan masyarakat Melayu di kawasan tersebut. Secara tidak langsung, beliau ingin menyampaikan betapa selama ini aspek pendidikan di kawasan ini begitu ketinggalan akibat pengabaian yang dilakukan oleh pihak berkuasa serta kesedaran yang rendah dikalangan ibu bapa. Kesedaran ini telah mengakibatkan pihak kerajaan tidak mempunyai pilihan melainkan membangunkan fasiliti pendidikan dan menambahkan bilangan guru-guru bagi menampung pertambahan bilangan pelajar di kawasan tersebut. Kesedaran pendidikan sedikit sebanyak telah mula bertapak dalam jiwa masyarakat Melayu pesisir dan seterusnya ini telah memberikan kesan baik kepada penyebaran kesedaran secara menyeluruh dalam masyarakat.

Peningkatan Moral Melalui Pendidikan

Aspek pendidikan merupakan antara cabang utama dalam pembentukan akhlak seseorang maka pendidikan sewajarnya diberi penekanan dalam masyarakat agar dapat membentuk golongan masyarakat yang cintakan ilmu pengetahuan sekaligus memandu seseorang untuk melakukan segala bentuk amal kebaikan. Pada pandangan Abang Yusuf Puteh, masyarakat Melayu Sarawak mengalami hakisan moral yang serius dan perlu diberi perhatian yang wajar. Hal ini terutamanya berlaku di kawasan bandar-bandar namun begitu tidak bermakna kawasan luar bandar tidak diberi perhatian yang seiring dengan kawasan bandar. Hal ini sebagaimana yang dinyatakannya:

The Malay community is suffering from moral dilution at all levels. It may be a really tough job to cure the rot in the cities and urban centres but I feel confident that it can be handled in the rural areas. However, the main problem as pointed out in the article on morality in the preceeding Chapter, the moral outlook of the teachers, generally speaking,

*in the rural areas needs a very close scrutiny by the Ministry of Education. There is a widening detachment of the well-paid teachers from the poor community.*⁴⁵

Beliau dengan nada penuh keyakinan menyatakan tanggungjawab guru-guru sangat penting dalam usaha untuk mengekang situasi ini. Perkara ini sudah semestinya tidak dapat dipandang enteng kerana melibatkan maruah negara di mata dunia. Keruntuhan moral yang disuarakan oleh beliau tidak hanya berfokus kepada nilai masyarakat tetapi turut memberikan kesan kepada aspek sosial dan politik. Lantaran itu, Abang Yusuf Puteh mengambil langkah yang bijak dengan menyediakan asas pendidikan agama secara percuma kepada masyarakat kampung di Daerah Kalaka terutamanya. Atas dasar tanggungjawab sebagai seorang yang terpelajar yang lahir di kawasan tersebut, beliau mengupah seorang guru agama, Cikgu Yusuf Arab untuk mengajar penduduk kampung. Bahkan, beliau menyediakan pengangkutan untuk mengambil dan menghantar pelajar sebelum dan selepas pengajian yang diadakan dirumahnya. Jasanya yang begitu murni kepada pendidikan dan pembangunan masyarakat Daerah Kalaka telah mendapat sanjungan dari masyarakat Kalaka. Pejabat Daerah Saratok telah mengambil inisiatif dengan menggantungkan gambar Abang Yusuf Puteh di dinding pejabat sebagai mengenang dan tanda penghormatan terhadap jasa yang telah dicurahkan.⁴⁶

Atas dasar para pelajar, yang merupakan pewaris negara pada masa depan maka beliau mendesak ibu bapa supaya mengambil berat dan mementingkan pendidikan anak-anak mereka. Ibu bapa hendaklah bergerak aktif demi menunaikan tanggungjawab terhadap amanah yang telah dikurniakan kepada mereka. Oleh itu, ibu bapa di kawasan Kalaka ketika itu mula mengambil tahu dan memantau setiap aspek pembelajaran anak-anak terutamanya ketika berada di rumah. Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) terus diperkukuhkan dengan menjalin hubungan yang erat antara mereka. Hubungan ibu bapa dan guru amat penting dalam mencari jalan untuk meningkatkan kemajuan pendidikan anak-anak. Abang Yusuf Puteh turut menyeru supaya kedua-dua ibu bapa dan guru sentiasa bersemangat untuk memberikan yang terbaik kepada anak-anak dalam pelajaran.⁴⁷

PERUBAHAN TAHAP PENDIDIKAN MASYARAKAT MELAYU PESISIR, 1970-1991

Pembelaan dan usaha untuk melonjakkan pendidikan berkaitan masyarakat Melayu pesisir sebetulnya telah lama dilakukan oleh Abang Yusuf Puteh, iaitu sejak tahun 1970 lagi setelah dilantik untuk menjawat jawatan Penolong Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak. Aspek pendidikan ternyata menjadi aktiviti yang sering diberi perhatian oleh beliau atas faktor kesedaran mengenai kepentingan pendidikan kepada masyarakat Melayu. Beliau yang berasal dari kawasan Melayu pesisir amat memahami situasi yang melanda kawasan tersebut. Beliau sentiasa bekerja keras dengan tidak pernah mengenal putus asa demi membela nasib masyarakat Melayu. Oleh yang demikian, beberapa perubahan positif dalam aspek pendidikan terutamanya bagi masyarakat Melayu pesisir mencitrakan kejayaan dan harapan setelah dilancarkan kritikan oleh Abang Yusuf Puteh. Untuk melihat perubahan-perubahan dalam aspek pendidikan maka adalah perlu untuk diperlihatkan jumlah penduduk Melayu pesisir dan jumlah penduduk Melayu di seluruh Sarawak. Dengan itu, peningkatan bilangan dan peratus bilangan sekolah, guru-guru yang ditempatkan dan pelajar-pelajar di daerah tersebut akan dinilai setiap 10 tahun untuk melihat perubahan dan kebangkitan kesedaran pendidikan dalam kalangan masyarakat di daerah pesisir terutamanya dikalangan orang-orang Melayu. Perubahan ini dapat diteliti dalam jadual 3 yang berikut:

Jadual 3: Jumlah Penduduk Melayu Pesisir di Kalaka dan Saribas

Tahun	Melayu Saribas	Melayu Kalaka	Jumlah Melayu Saribas dan Kalaka	Orang Melayu di Sarawak	Peratus Penduduk Melayu di Daerah Kalaka
1971	8 383	7 210	15593	181 000	8.6
1981	13 457	9 486	22943	258 000	8.9
1991	23 605	14 038	37643	350 570	10.73

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia Cawangan Sarawak, 1971, 1981 dan 1991

Berdasarkan Jadual 3, didapati jumlah penduduk Melayu di Daerah Kalaka meningkat setiap 10 tahun dari segi bilangan sejak tahun 1971 sehingga 1991. Antara tahun 1971 sehingga 1991 jumlah penduduk Melayu di Daerah Kalaka menunjukkan corak peningkatan secara berterusan, iaitu sebanyak 15,593 orang atau 8.6 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk Melayu Sarawak yang berjumlah 181,000 orang pada tahun 1971 kepada 23,605 orang atau 10.73 peratus daripada 350,570 orang pada tahun 1991. Oleh yang demikian, jumlah penduduk Melayu di Daerah Kalaka digunakan untuk mengukur tahap kejayaan teguran dan saranan yang dikemukakan oleh Abang Yusuf Puteh. Peningkatan jumlah sekolah rendah dan sekolah menengah di Daerah Kalaka, jumlah guru-guru yang telah ditempatkan dan juga jumlah pertambahan pelajar-pelajar di daerah ini dianalisis untuk mengetahui perkembangan kesedaran pendidikan di daerah ini sebagaimana yang dikehendaki oleh Abang Yusuf Puteh.

Perkembangan kesedaran tentang kepentingan pendidikan di sesebuah kawasan secara statistiknya dapat dicitrakan dengan peningkatan bilangan institusi pendidikan terutamanya sekolah peringkat rendah dan menengah di kawasan tersebut. Hal ini menunjukkan semakin banyak pusat pendidikan di sesebuah kawasan maka semakin banyak bilangan pelajarannya. Walau bagaimanapun, bilangan sekolah di Daerah Kalaka tidak dapat digunakan untuk menggambarkan bilangan pelajarannya. Keadaan ini dapat diteliti melalui jadual 4, iaitu:

Jadual 4: Jumlah Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah di Daerah Kalaka.

Jumlah Sekolah di Daerah Kalaka dan Saribas, 1985-2011					
Tahun	Daerah	SMK	SK	Jumlah Sekolah Di Daerah Kalaka	SMK & SK Seluruh Sarawak
1981	Saribas	45	6	109	1412
	Kalaka	55	3		
1991	Saribas	45	6	109	1412
	Kalaka	54	4		
2001	Saribas	43	7	106	1433
	Kalaka	52	4		
2011	Saribas	47	8	113	1472
	Kalaka	53	5		

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia Cawangan Sarawak, 1971, 1981, 1991, 2001 dan 2011.

Berdasarkan jadual 4, didapati bilangan sekolah sama ada sekolah rendah dan sekolah menengah di Daerah Kalaka hanya mempamerkan peningkatan bilangan sekolah yang sangat kecil, iaitu sebanyak 109 buah sekolah atau 7.7 peratus berbanding keseluruhan sekolah di negeri Sarawak dalam tempoh yang sama, iaitu sebanyak 1,412 buah sekolah. Pada tahun 2002 hingga 2011, peningkatan sekolah (sekolah rendah dan sekolah menengah) di Daerah Kalaka hanyalah bertambah sebanyak empat buah sahaja, namun dari segi peratusannya berbanding keseluruhan sekolah di Sarawak masih kekal sebanyak 7.7 peratus.

Walaupun peningkatan sekolah dalam jumlah yang sangat kecil tetapi bilangan guru di daerah ini menunjukkan peningkatan yang sangat ketara. Hal ini secara tidak langsung membuktikan peningkatan jumlah pelajar di dalam sesebuah sekolah di daerah tersebut. Senario ini ditunjukkan di dalam Jadual 5, iaitu:

Jadual 5 : Jumlah Guru di Daerah Kalaka.

Jumlah Guru di Daerah Kalaka dan Saribas					
Tahun	Daerah	SMK	SK	Jum. Keseluruhan Guru	Jum. di Daerah Kalaka
1981	Saribas	189	324	513	946
	Kalaka	134	299	433	
1991	Saribas	259	483	742	1362
	Kalaka	166	454	620	
2001	Saribas	355	568	878	1577
	Kalaka	231	468	699	
2011	Saribas	565	913	1478	2756
	Kalaka	405	842	1247	

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia Cawangan Sarawak, 1971, 1981, 1991, 2001 dan 2011.

Berdasarkan Jadual 5, didapati peningkatan secara berterusan guru-guru untuk ditempatkan di sekolah-sekolah di Daerah Kalaka. Antara tahun 1981 sehingga 1990, jumlah keseluruhan guru-guru yang ditempatkan di sekolah-sekolah di Daerah Kalaka ialah sebanyak 946 orang dan jumlah ini telah meningkat kepada 2,756 orang pada tahun 2011. Jumlah ini menunjukkan peningkatan bilangan guru di Daerah Kalaka sebanyak 1,810 orang atau 65.7 peratus dalam tempoh 21 tahun berdasarkan catatan Jabatan Perangkaan Cawangan Sarawak pada tahun 1990.

Peningkatan jumlah guru antara tahun 1981 dan 2011 sebanyak 1,810 orang (65.7%) adalah signifikan dengan peningkatan jumlah pelajar sekolah di Daerah Kalaka. Berdasarkan Jadual 6, jumlah pelajar di Daerah Kalaka telah menunjukkan pola peningkatan secara berterusan antara tahun 1981 sehingga 2011, selari dengan pertumbuhan penduduk di daerah ini. Keadaan ini ditunjukkan dengan jelas melalui Jadual 6, iaitu:

Jadual 6 : Jumlah Murid Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah di Daerah Kalaka.

Jumlah Murid di Daerah Kalaka dan Saribas					
Tahun	Daerah	SMK	SK	Jumlah Keseluruhan Murid	Jumlah di Daerah Kalaka
1981	Saribas	4004	6525	10529	19373
	Kalaka	3293	5551	8844	
1991	Saribas	3990	7211	11201	19642
	Kalaka	2751	5690	8441	
2001	Saribas	5506	9474	14980	26081
	Kalaka	4273	6828	11101	
2011	Saribas	6911	9023	15934	27699
	Kalaka	5213	6552	11765	

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia Cawangan Sarawak, 1981, 1991, 2001, 2011 dan Sumber: Enrolmen Pelajar Pejabat Pendidikan Daerah Saratok, 2000-2011.

Berdasarkan Jadual 6 didapati berlakunya peningkatan bilangan pelajar di Daerah Kalaka, antara tahun 1981 sehingga 1990, jumlah pelajar di Daerah Kalaka dicatatkan sebanyak 19,373 orang telah meningkat kepada 27,699 orang pada tahun 2002 sehingga 2011. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 8,326 orang pelajar atau bersamaan 30.1 peratus. Jumlah ini adalah berdasarkan kepada Jabatan Perangkaan Cawangan Sarawak pada tahun 1990 dan tahun 2011.

Walaupun bilangan sekolah-sekolah di Daerah Kalaka turut menunjukkan peningkatan namun jumlahnya masih lagi kecil dan tidak mampu untuk menampung jumlah pelajar yang semakin meningkat. Peningkatan yang sangat kecil jumlah sekolah di Daerah Kalaka sejak tahun 1981 iaitu sebanyak 109 buah hanya merekodkan pertumbuhan sebanyak 4 buah sekolah sejak tahun 2002 kepada 113 buah sekolah ataupun peningkatan sebanyak 3.5 peratus dan terus kekal dengan jumlah tersebut sehingga tahun 2011. Jumlah sekolah yang direkodkan tidak seiring dengan jumlah pelajar yang semakin bertambah di daerah tersebut bermula pada tahun 1981 sehingga 2011. Hal ini menunjukkan jumlah sekolah masih tidak mampu untuk menampung jumlah pelajar yang semakin ramai untuk memperoleh pendidikan di sekolah-sekolah yang berhampiran dari setahun ke tahun berikutnya.

Hal ini memprojeksi kurangnya tumpuan pihak kerajaan disebabkan beberapa kekangan tertentu antaranya kemelesetan ekonomi dunia yang berlaku pada tahun 1998 yang menyebabkan banyak pembangunan tergendala dalam usaha untuk menambah bilangan institusi pendidikan di daerah pesisir tersebut. Walaupun begitu, usaha kerajaan untuk meningkatkan kualiti pendidikan di daerah ini dalam menyediakan guru-guru yang berkelayakan dengan jumlahnya yang menunjukkan pola peningkatan antara tahun 2002 sehingga 2011 berbanding jumlah guru yang dicatatkan antara tahun 1981 sehingga 1991 tidak harus diperkecilkan. Peningkatan jumlah sekolah, guru dan kemudahan jelas membuktikan usaha dan suara Abang Yusuf Puteh dalam meningkat dan memartabatkan pendidikan di kawasan Melayu pesisir telah didengari dan diambil perhatian yang sewajarnya oleh pihak kerajaan.⁴⁸ Malah kelihatan ibu bapa juga telah mempunyai kesedaran untuk memberikan pendidikan kepada anak-anak mereka. Ini jelas melalui peningkatan jumlah pelajar dari masa ke semasa. Ibu bapa di kawasan penempatan pesisir semakin terdedah dengan kepentingan pendidikan sebagai satu wadah transformasi kehidupan yang jauh dari arus kemodenan sebagaimana masyarakat di kawasan bandar. Mereka turut berusaha keras untuk menghantar anak-anak ke sekolah demi mempunyai masa depan yang lebih terjamin. Peningkatan jumlah pelajar ini amat signifikan dengan

jumlah peningkatan masyarakat Melayu pesisir di Daerah Kalaka. Di samping itu, peningkatan golongan profesional dari daerah ini membuktikan kesungguhan kesedaran ibu bapa terhadap pendidikan.⁴⁹

KESIMPULAN

Secara ringkasnya, Abang Yusuf Puteh sangat mengambil berat terhadap kepentingan pendidikan dalam kalangan masyarakat Melayu pesisir sehingga melontarkan beberapa teguran terhadap pengabaian aspek ini. Beliau bukan sahaja melakukan teguran tetapi turut berperanan dengan berusaha untuk meningkatkan aspek pendidikan masyarakat di kawasan tersebut. Berdasarkan analisis dan perbincangan yang telah dikemukakan, didapati tahap pendidikan masyarakat Melayu pesisir ketika itu masih jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan nasib masyarakat Melayu di kawasan bandar.

Pengabaian dalam aspek infrastruktur institusi pendidikan oleh pihak kerajaan terhadap masyarakat Melayu pesisir memberikan kesan yang mendalam terhadap masa hadapan anak-anak ini sehingga mematahkan semangat mereka untuk mendalami ilmu pengetahuan. Pengabaian yang lebih buruk lagi apabila terdapat petempatan masyarakat Melayu pesisir yang langsung tidak mempunyai sebuah sekolah sekalipun untuk pendidikan anak-anak mereka. Oleh itu, Abang Yusuf Puteh telah menyuarakan permasalahan ini agar diberikan perhatian yang sewajarnya. Usaha beliau ternyata telah mendapat perhatian pihak yang berwajib dengan menambahbaik kemudahan-kemudahan yang terdapat di sekolah-sekolah di kawasan tersebut termasuklah kuarters kediaman guru dan asrama pelajar.

Seterusnya, usaha Abang Yusuf Puteh supaya dilakukan penambahbaikan terhadap sistem pengangkutan turut mendapat perhatian apabila sistem perhubungan seperti jalan raya telah dibina untuk kemudahan masyarakat di situ pada akhir 1990-an. Hal ini sekurang-kurangnya dapat mengurangkan kos dan menjamin keselamatan pelajar untuk ke sekolah walaupun agak jauh dari kediaman mereka. Di samping itu, usaha Abang Yusuf Puteh dalam meningkatkan kesedaran ibu bapa turut berjaya dilakukan. Hal ini dibuktikan menerusi statistik jumlah pelajar menunjukkan peningkatan bilangan pelajar di kawasan tersebut. Peningkatan ini menunjukkan ibu bapa mempunyai kesedaran tentang kepentingan pendidikan kepada anak-anak mereka. Keadaan ini sekaligus memberikan impak yang positif kepada pembangunan masyarakat Melayu terutamanya di kawasan pesisir.

Ringkasnya, dapatlah dinyatakan bahawa usaha yang dilakukan oleh Abang Yusuf Puteh berlandaskan kepada kemunduran beberapa aspek pendidikan masyarakat Melayu pesisir telah mendapat perhatian dan tindakan yang sewajarnya oleh pihak kerajaan. Oleh yang demikian, kejayaan ini membuktikan kepentingan peranan yang dimainkan oleh Abang Yusuf Puteh dalam memartabatkan pendidikan masyarakat Melayu di kawasan pesisir.

Notes

¹ Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Email: awgkasmurie@yahoo.com.my

² Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.

³ Wawancara dengan Datuk Rogayah Abdul Majid, di rumah Shobra, Jalan Stampin Timur Kuching, Sarawak pada jam 2.00 petang bertarikh 21 Disember 2013.

⁴ Universiti Malaya di Singapura ketika itu.

⁵ Wawancara dengan Datuk Rogayah Abdul Majid (isteri Allahyarham Datuk Abang Haji Yusuf bin Abang Puteh), di kediamannya di Jalan Song, Kuching, pada jam 2.00 petang bertarikh 21 Disember 2013.

⁷ Wawancara dengan Datuk Rogayah Abdul Majid di Rumah Shobra, Jalan Stampin Timur Kuching, pada jam 2.00 petang bertarikh 21 Disember 2013.

⁸ Ally Kawi, *Ming Court Crisis: A Chose and Intimate Knowledge of the Crisis Behind the Scene*, Selangor: Golden Books Centre Sdn Bhd, 2010, hlm. 46-47.

⁹ Lam Chee Kheung, *The Malay Population of Sarawak, 1947-2000*, Kota Samarahan: Universiti Malaysia Sarawak, hlm. 5.

¹⁰ Lam Chee Kheung, *The Malay Population of Sarawak, 1947-2000*, Kota Samarahan: Universiti Malaysia Sarawak, hlm. 27.

¹¹ Pengganti mutlak Charles Vyner Brooke sebagai Raja Sarawak sepatutnya saudara lelakinya, iaitu Bertram Brooke, namun akibat daripada usianya yang telah lanjut dengan itu waris yang terdekat dan terhampir adalah anak Bertram, iaitu Anthony Brooke. Hal ini disebabkan Charles Vyner Brooke sendiri tidak mempunyai waris lelaki. Rujuk, Jagjit Singh Sidhu, *Sarawak 1900-1963*, dlm Zainal Abidin Wahid (ed), *Sejarah Malaysia Sepintas Lalu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1979, hlm. 164. Lihat juga, Sanib Said, *Anti-Cession Movement, 1946 to 1951: The Birth of Nationalism in Sarawak*, Tesis B.A Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1975, hlm. 16. Cubaan pernah dilakukan oleh Vyner Brooke untuk menghalalkan matlamat agar anak perempuannya diangkat sebagai pemerintah Sarawak (Raja) melalui penggabungan Perlembagaan 1941. Oleh yang demikian,

bagi melancarkan niat tersebut penggunaan Perlembagaan 1941 dilakukan di luar pengetahuan Bertram Brooke dan telah menimbulkan kemarahan serta perasaan tidak puas hati Bertram. Vyner Brooke ternyata lebih mengambil perhatian kepada nasihat Setiausaha Sulitnya, iaitu McBryan. Walau bagaimanapun, cita-cita Vyner Brooke untuk menggubah undang-undang Negeri Sarawak yang telah membataskan hanya keturunan lelaki daripada keluarga Brooke sahaja yang boleh diangkat untuk menjadi Raja Sarawak.

- ¹² Ketiga-tiga jenis sekolah ini telah beroperasi pada zaman pemerintahan Brooke. Lihat, Le Gros Clark, C.D., *The Blue Report*, Kuching, 1935, hlm. 7.
- ¹³ Diwujudkan oleh Raja Charles Vyner Brooke (Raja Ketiga Sarawak) pada tahun 1924.
- ¹⁴ Bewsher, R.A., Agricultural Education Officer to the Acting Director of Education, *Report on Visits to Schools in 4th and 5th Divisions, March-June 1947*, No.51 in D.A. 22/7/3, 6th June 1947, MSS Pac.s. 59, RHL.
- ¹⁵ *Sarawak Annual Report 1947 - 1953*, Government Printing Office, Kuching.
- ¹⁶ *Sarawak Annual Report 1947*, Kuching : GPO, 1948. Penutupan sekolah bukan sahaja disebabkan oleh keputusan seramai 87 orang guru Melayu meletakkan jawatan akibat membantah Circular 9/1946 tetapi juga terkesan daripada tindakan ibu bapa yang menyokong anti-penyerahan dengan mengeluarkan anak-anak mereka daripada sekolah-sekolah tersebut. Hal ini telah membawa kepada pembukaan beberapa buah sekolah persendirian Melayu yang dinamakan sebagai Sekolah Ra'yat bagi menempatkan pelajar-pelajar tersebut untuk meneruskan pengajian mereka. Lihat, Vernon L. Porritt, *British Colonial Rule in Sarawak, 1946-1963*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1997, hlm. 303.
- ¹⁷ Antara pelopor kepada pembukaan Sekolah Ra'yat untuk kepentingan pelajar-pelajar Melayu ialah Cikgu Lily Eberwein, iaitu Presiden Kaum Ibu. Beliau turut menceritakan keperitan dalam mencari ilmu pengetahuan dengan menempuh pelbagai cabaran lebih-lebih lagi bagi pelajar perempuan. Beliau dilahirkan di Kuching hasil perkahwinan campur di sebelah ayahnya seorang pegawai Eropah dan ibunya seorang Melayu. Rujuk, *Sarawak Tribune*, 9th February, 1971.
- ¹⁸ Sekolah-sekolah Ra'yat ini merupakan sekolah persendirian yang dibina dan dibiayai dananya oleh orang-orang Melayu, iaitu pendokong kepada gerakan anti-Cession berikutan perletakan jawatan guru-guru terhadap tindakan kerajaan British yang mengeluarkan pekeliling 9. Walau bagaimanapun, apabila berlakunya kemerosotan kepada gerakan ini telah menyebabkan perpecahan kepada ahli-ahli dalam gerakan ini yang akhirnya membawa kepada kekurangan dana dan sokongan daripada mereka untuk sekolah-sekolah Ra'yat. Akhirnya, keputusan untuk menutup sekolah-sekolah ini diambil dan para pelajar Melayu kembali menyambung pelajar di sekolah-sekolah kerajaan yang lain.
- ¹⁹ Lihat, *Utusan Sarawak*, 19 Disember 1949, dan, Craig Alan Lockard, *From Kampung to City: A Social History of Kuching, Malaysia, 1820-1970*, Athens: Center for International Studies, Universiti Ohio, 1987, hlm. 483.
- ²⁰ Kebiasaannya sekolah tradisional Melayu hanya mempunyai seorang guru yang lebih cenderung untuk fokus kepada aspek mata pelajaran agama sahaja. Vernon L. Porritt, *British Colonial Rule in Sarawak, 1946-1963*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1997, hlm. 304.
- ²¹ Ibid. hlm. 304. Lihat juga, Sarawak Education Department, *Annual Summary*, 1954, Table IX.
- ²² *Utusan Sarawak*, 25 Disember 1958, hlm. 1.
- ²³ *Council Negri Debates*, 6th, 7th, 8th, 9th Disember 1960, hlm. 24.
- ²⁴ Keadaan ini telah disebutkan dalam Sarawak Government, *Sarawak Annual Report*, 1954, hlm. 88.
- ²⁵ Jones, L. W., *Sarawak: Census of Population (15th June 1960)*, Kuching: Government Printing Office, 1962, hlm. 91.
- ²⁶ Jones, L. W., *Report on the Census of Population (taken on 15th June 1960)*, Kuching: Government Printing Office, 1961, Ch.VI.
- ²⁷ Sarawak Education Department, *Annual Summary*, 1963, Table IB.
- ²⁸ Lihat, *Sarawak Gazette*, April 1963, hlm.86-92.
- ²⁹ Putit Matzen, "Pendidikan dan Pembangunan Masyarakat Melayu Sarawak", *Sarawak Museum Journal*, XLVII, December 1997, hlm. 107-124.
- ³⁰ Hashim turut mengkritik tindakan British yang mengabaikan pelajaran pendidikan menengah dalam kalangan pelajar Melayu. Keadaan ini menjadi satu faktor yang telah menafikan hak pelajar Melayu untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat menengah atas. Atas alasan ini telah menjadi satu faktor ibu bapa pelajar Melayu tiada pilihan tetapi terpaksa memberhentikan persekolahan anak-anak mereka kerana tidak mempunyai kemampuan menghantar anak mereka ke sekolah mubaligh. Peluang untuk pelajar-pelajar Melayu untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat menengah ialah sekolah Batu Lintang dan Madrasah Melayu sahaja, itupun hanya peringkat menengah rendah dan terpaksa melalui proses pemilihan yang sangat ketat. Rujuk, Hashim Fauzy Yaacob, *Kedudukan Orang Melayu Sarawak di Bawah Penjajahan British, 1946-1963*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2013, hlm. 100.
- ³¹ Putit Matzen, "Pendidikan dan Pembangunan Masyarakat Melayu Sarawak", *Sarawak Museum Journal*, XLVII, December 1997, hlm. 107-124. Beliau mengistilahkan zaman Koloni British sebagai 'Zaman Mission', apabila kerajaan British lebih menitik beratkan pendidikan sekolah-sekolah Mubaligh dengan harapan sebagai medium untuk menyebarkan agama Kristian dalam kalangan pelajar Melayu yang bersekolah di sekolah Mubaligh.
- ³² Abang Yusuf Puteh, *River of Dry Tears: The Poor Malay of Sarawak*, Kuching: Shobra Publications Sdn Bhd, 1996, hlm.38.
- ³³ Rujuk Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak, 1970-1985. Antaranya, dalam Fail: Bil (3) dlm YPS/KUC/2 bertarikh 02 April 1974 beliau sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri memohon peruntukan daripada kerajaan untuk membaik pulih keadaan sekolah untuk keperluan pelajar di Kampung Endap. Hal ini memandangkan kondisi sekolah yang terlalu usang dan tanah yang becak apabila hari hujan mengakibatkan ketidakelesaian pelajar untuk belajar. Rujuk juga, Fail: Bil (12) dlm YPS/D1-01-3/S2 yang bertarikh 18 April 1975- jambatan di kawasan kampung perlu dibina kerana penting untuk kemudahan bagi

- perjalanan penduduk terutamanya pelajar-pelajar sekolah, dan, Fail: bil (4) dlm YPS/D1/01-3/S4-perlaksanaan pembinaan sebatang jalan sepanjang $\frac{3}{4}$ batu bagi menghubungkan Sekolah Rendah Moyan Laut/Ledang.
- ³⁴ Wawancara dengan Encik Ikhwan Achem penduduk Kampung Tambak Daerah Kalaka pada jam 11.05 pagi bertarikh 20 April 2015.
- ³⁵ Lihat, Penyata Rasmi Persidangan Dewan Undangan Negeri, Persidangan yang Pertama, 07 Disember 1971, dan, Council Negri Debates Official Report First Meeting for the Second Session of the Ninth Council Negri, 09th December 1975.
- ³⁶ 1985-1995, kajian berkaitan masyarakat Melayu Pesisir dilakukan oleh Abang Yusuf Puteh.
- ³⁷ Abang Yusuf Puteh, *River of Dry Tears: The Poor Malay of Sarawak*, Kuching: Shobra Publications Sdn Bhd, 1996, hlm. 128.
- ³⁸ *Ibid.*, hlm. 51.
- ³⁹ Melalui wawancara dengan Puan Nursiyati Deni penduduk Kampung Melango Lama, Saratok pada jam 2.30 Petang bertarikh 20 September 2015, beliau mengakui kesedaran mengenai kepentingan pendidikan dalam kalangan penduduk di kawasan tersebut hasil daripada usaha yang dilakukan oleh Abang Yusuf Puteh. Sehingga Abang Yusuf Puteh melakukan pelbagai usaha untuk merealisasikan matlamat tersebut. Atas inisiatif dan usaha Abang Yusuf Puteh banyak ilmuan yang telah lahir dari Daerah Kalaka. Seterusnya, menerusi wawancara dengan Encik Ramlan Iskandar, iaitu penduduk Kampung Melango Lama, pada jam 9.30 malam bertarikh 21 September turut mengakui tanpa usaha Abang Yusuf Puteh Daerah Kalaka kemungkinan masih ketandusan golongan berpendidikan tinggi. Malah, beliau turut membantu Wahab Aziz (Sekarang Datuk) untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi walaupun akhirnya Wahab Aziz menjadi musuh politik beliau. Atas dasar kepentingan pendidikan beliau tidak menyimpan dendam malah terus menabur bakti kepada masyarakat.
- ⁴⁰ Abang Yusuf Puteh, *River of Dry Tears: The Poor Malay of Sarawak*, Kuching: Shobra Publications Sdn Bhd, 1996, hlm.125.
- ⁴¹ Wawancara dengan Encik Ikhwan Achem, iaitu penduduk kampung Tambak Daerah Kalaka pada jam 11.05 pagi bertarikh 20 April 2015. Perbualan berkaitan infrastruktur di kampung dan sekolah yang daif lebih-lebih lagi apabila air pasang besar dan hujan. Beliau turut mengirinkan gambar secara kebetulan pelajar-pelajar di kampung tersebut yang terpaksa mengharungi air pasang besar untuk ke sekolah.
- ⁴² Wawancara dengan Puan Nursiyati Deni, iaitu penduduk Kampung Melango Lama, Saratok pada jam jam 2.30 petang bertarikh 20 September 2015 malam di kediaman beliau di Kampung Melango Lama, Saratok, Sarawak. Nada yang sama turut diluahkan oleh Puan Salina Sauti ketika diwawancara pada jam 12.30 tengahari bertarikh 20 September 2015 di Kampung Bunga Raya, Saratok, Sarawak. Malah Encik Razali Busri penduduk Kampung Bunga Raya, Saratok yang kini berada di Sabah atas urusan tugas ketika ditemubual melalui aplikasi Facebook dan Whatsapp pada jam 10.29 malam bertarikh 21 September 2015 turut memberikan pandangan yang sama sebagaimana Puan Nursiyati dan Puan Salina Sauti.
- ⁴³ Melalui surat bertarikh 4 Julai 1980 mendapat kelulusan wang berjumlah \$4000.00 daripada YB Menteri (Datuk Amar Abdul Taib Mahmud –Menteri Pertahanan Malaysia ketika itu) bertujuan membina bilik darjah bertempat dibawah surau di kampung Melayu pesisir. Bilik darjah terpaksa dibina di bawah surau memandangkan keadaan sekolah yang terlalu padat tidak dapat dilakukan sebarang penambahan. Tambahan pula, bantuan kewangan yang diluluskan tidak mengizinkan bangunan baharu di bina di kawasan sekolah yang ada. Rujuk, Fail: Bil (4) YPS/D1/01-3/M2.
- ⁴⁴ Abang Yusuf Puteh, *River of Dry Tears: The Poor Malay of Sarawak*, Kuching: Shobra Publications Sdn Bhd, 1996, hlm. 128.
- ⁴⁵ *Ibid.* hlm. 311.
- ⁴⁶ Hasil wawancara dengan Puan Nursiyati Deni di Kampung Melango Lama pada jam 2.30 petang bertarikh 19 September 2015, Puan Salina Sauti di Kampung Bunga Raya, Saratok pada jam 1.30 Petang, bertarikh 19 September 2015, Encik Manterang di Kampung Melango Lama, Saratok jam 9.00 malam bertarikh 20 September 2015, Encik Ramlan Iskandar pada jam 10.00 malam bertarikh 20 September 2015, Tuan Haji Daud bin Ulei (mantan Ketua Kampung Melango Lama) pada jam 9.00 pagi bertarikh 21 September 2015, Encik Razali Busri di Kampung Bunga Raya, Saratok, pada jam 10.29 malam bertarikh 21 September 2015 (melalui aplikasi *facebook* dan *whatsapp* memandangkan beliau bekerja di Sabah), Encik Ahmad Dewi Deli, penduduk Kampung Debak pada jam 8.00 malam bertarikh 24 September 2015) melalui panggilan telefon. Semua informan memberi maklumat yang sama berkaitan usaha-usaha Abang Yusuf Puteh.
- ⁴⁷ Lihat, *Sarawak Tribune*, 17 December 1980, hlm. 18.
- ⁴⁸ Wawancara dengan beberapa orang penduduk di Daerah Kalaka antaranya, generasi yang sezaman dengan Abang Yusuf Puteh seperti Tuan Haji Daud bin Ulei (mantan Ketua Kampung Melango Lama) pada jam 9.00 pagi bertarikh 21 September 2015, Encik Manterang dari Kampung Melango Lama, Saratok jam 9.00 malam bertarikh 20 September 2015. Seterusnya wawancara dengan generasi yang telah menerima manfaat hasil daripada usaha dari aspek pendidikan Abang Yusuf Puteh, iaitu Puan Nursiyati Deni di Kampung Melango Lama pada jam 2.30 petang bertarikh 19 September 2015, Puan Salina Sauti di Kampung Bunga Raya, Saratok pada jam 1.30 Petang, bertarikh 19 September 2015, Encik Manterang di Kampung Melango Lama, Saratok, Encik Ramlan Iskandar pada jam 10.00 malam bertarikh 20 September 2015, Encik Razali Busri di Kampung Bunga Raya, Saratok, pada jam 10.29 malam bertarikh 21 September 2015 (melalui aplikasi *facebook* dan *whatsapp* memandangkan beliau bekerja di Sabah). Hasil wawancara menunjukkan bahawa dengan penuh keyakinan mereka mengatakan peningkatan aspek pendidikan di Daerah Kalaka adalah atas daya usaha yang telah dilakukan oleh Abang Yusuf Puteh. Tanpa keberanian Abang Yusuf Puteh menyuarkan permasalahan mereka sudah tentu suara mereka tidak kedengaran pada pihak kerajaan. Begitu juga usaha yang berterusan dan tanpa putus asa Abang Yusuf Puteh dalam pembangunan masyarakat di daerah tersebut.
- ⁴⁹ Abang Yusuf Puteh, *The Malay Mind*, Kuching: Shobra Publications Sdn Bhd, 1996, hlm. 90.

Rujukan

Buku dan Artikel

- Abang Yusuf Puteh, 1996. *River of Dry Tears: The Poor Malay of Sarawak*, Kuching: Shobra Publications Sdn Bhd.
- Abang Yusuf Puteh, 1996. *The Malay Mind*, Kuching: Shobra Publications Sdn Bhd.
- Ally Kawi, 2010. *Ming Court Crisis: A Chose and Intimate Knowledge of the Crisis Behind the Scene*, Selangor: Golden Books Centre Sdn Bhd.
- Craig Alan Lockard, 1987. *From Kampung to City: A Social History of Kuching, Malaysia, 1820 1970*, Athens: Center for International Studies, Universiti Ohio.
- Hashim Fauzy Yaacob, 2013. *Kedudukan Orang Melayu Sarawak di Bawah Penjajahan British, 1946-1963*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jagjit Singh Sidhu, 1979. Sarawak 1900-1963, dlm Zainal Abidin Wahid (ed), *Sejarah Malaysia Sepintas Lalu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lam Chee Kheung, 2004. *The Malay Population of Sarawak, 1947-2000*, Persidangan Institute of East Asian Studies, Dec 2004. Anjuran Institute of East Asian Studies, Universiti Malaysia Sarawak.
- Putit Matzen, "Pendidikan dan Pembangunan Masyarakat Melayu Sarawak", *Sarawak Museum Journal*, XLVII, December 1997, hlm. 107-124.
- Vernon L. Porritt, *British Colonial Rule in Sarawak, 1946-1963*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1997, hlm. 303.

Penyata Rasmi Dewan Undangan Negeri

- Council Negri Debates*, 6th, 7th, 8th, 9th Disember 1960.
- Penyata Rasmi Persidangan Dewan Undangan Negeri, Persidangan yang Pertama, 07 Disember 1971
- Council Negri Debates Official Report First Meeting for the Second Session of the Ninth Council Negri, 09th December 1975.

Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak 1970-1985

- Fail: Bil (3) dlm YPS/KUC/2 bertarikh 02 April 1974.
- Fail: Bil (12) dlm YPS/D1-01-3/S2 yang bertarikh 18 April 1975.
- Fail: Bil (4) dlm YPS/D1/01-3/S4.
- Fail: Bil (4) YPS/D1/01-3/M2.

Wawancara

- Wawancara dengan Datuk Rogayah Abdul Majid, di rumah Shobra, Jalan Stampin Timur Kuching, Sarawak pada jam 2.00 petang bertarikh 21 Disember 2013.
- Wawancara dengan Tan Sri Datuk Seri Abang Haji Ahmad Urai bin Datu Hakim Abang Haji Mohiden, Tokoh Melayu Perabangan Sarawak di Kuching, Sarawak pada 9 Januari 2014.
- Wawancara dengan Encik Ikhwan Achem penduduk Kampung Tambak Daerah Kalaka pada jam 11.05 pagi bertarikh 20 April 2015.
- Wawancara dengan Puan Salina Sauti ketika diwawancara pada jam 12.30 tengahari bertarikh 20 September 2015 di Kampung Bunga Raya, Saratok.
- Wawancara dengan Puan Nursiyati Deni penduduk Kampung Melango Lama, Saratok pada jam 2.30 Petang bertarikh 20 September 2015.
- Wawancara dengan Encik Manterang dari Kampung Melango Lama, Saratok jam 9.00 malam bertarikh 20 September 2015.
- Wawancara dengan Tuan Haji Daud bin Ulei (mantan Ketua Kampung Melango Lama) pada jam 9.00 pagi bertarikh 21 September 2015
- Wawancara dengan Encik Ramlan Iskandar, iaitu penduduk Kampung Melango Lama, pada jam 9.30 malam bertarikh 21 September 2015.
- Wawancara dengan Encik Razali Busri penduduk Kampung Bunga Raya, Saratok pada jam 10.29 malam bertarikh 21 September 2015.

Wawancara dengan Encik Ahmad Dewi Deli, penduduk Kampung Debak pada jam 8.00 malam bertarikh 24 September 2015.

Laporan Rasmi Negeri Sarawak

Bewsher, R.A., Agricultural Education Officer to the Acting Director of Education, *Report on Visits to Schools in 4th and 5th Divisions, March-June 1947*, No.51 in D.A. 22/7/3, 6th June 1947, MSS Pac.s. 59, RHL.

Jones, L. W., *Report on the Census of Population (taken on 15th June 1960)*, Kuching: Government Printing Office, 1961, Ch.VI.

Jones, L. W., *Sarawak: Census of Population (15th June 1960)*, Kuching: Government Printing Office, 1962.

Le Gros Clark, C.D., *The Blue Report*, Kuching, 1935.

Sarawak Annual Report 1947 - 1953, Government Printing Office, Kuching.

Sarawak Annual Report 1947, Kuching: GPO, 1948.

Sarawak Education Department, *Annual Summary*, 1954, Table IX.

Sarawak Government, *Sarawak Annual Report*, 1954.

Sarawak Education Department, *Annual Summary*, 1963, Table IB.

Akhbar dan Majalah

Utusan Sarawak, 19 Disember 1949.

Utusan Sarawak, 25 Disember 1958.

Sarawak Tribune, 9th February, 1971.

Sarawak Tribune, 17 December 1980.

Sarawak Gazette, April 1963.

Tesis

Sanib Said, *Anti-Cession Movement, 1946 to 1951: The Birth of Nationalism in Sarawak*, Tesis B.A Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1975.

Laman Sesawang

www.betongro.sarawak.gov.my.